

**Draf Teks Ucapan**

**PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS SERAH TUGAS NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**19 Jun 2017 (Isnin) | 9.00 Pagi  
Galeri Majlis, Aras 3 Bangunan Canselori  
Universiti Malaysia Sabah**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Negeraku Malaysia

## **Salutasi**

YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun  
Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam  
Sekitar Sabah

YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah  
Mantan Naib Canselor UMS

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti  
Pegawai-pegawai Utama dan Kanan  
Universiti,  
Para Dekan, Pengarah dan Ketua Jabatan  
Fakulti, Pusat, Institut dan Unit, seterusnya  
tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT., pemilik seluruh jiwa dan kehidupan. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpahan kasih sayang-Nya, kita dapat bertemu di Majlis Serah Tugas Naib Canselor. Terima kasih kepada semua rakan seperjuangan yang dapat hadir pada pagi yang sejahtera ini.

**Yang Berhormat Datuk Seri, Datuk-Datuk dan Rakan Seperjuangan yang saya hormati,**

2. Kecemerlangan UMS bukan terletak pada seorang individu semata-mata. UMS adalah sebuah kapal ilmu yang belayar menuju ke destinasi yang telah ditunjukkan dengan membawa motto 'Bertekad Cemerlang'.

3. Kecemerlangan tidak datang dengan petikan jari dan gamitan tangan, tetapi kecemerlangan datang dengan usaha. Banyak yang telah dikorbankan oleh seluruh warga UMS sebelum ini untuk mengekal dan meneruskan perjuangan mendapatkan kecemerlangan. Kita boleh menilai kejayaan yang akan datang sekiranya kita dapat menilai sejarah yang lalu.

4. Saya yakin, usaha-usaha Naib Canselor terdahulu membuat perancangan dan melaksanakan dengan bersungguh-sungguh telah mencapai keputusan yang membanggakan dan seharusnya dikenang.

5. Saya amat berterima kasih dengan Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah yang telah membawa hala tuju UMS untuk mencapai universiti EcoCampus yang menampakkan hasil yang dapat dinikmati sekarang ini. Usaha-usaha murni yang dijalankan dengan penglibatan semua kakitangan UMS ini tidak akan terhenti setakat hari ini sahaja, bahkan saya percaya warga UMS



dan pemegang taruh telah dapat mengadaptasi hasrat menjadikan UMS sebagai universiti Ecocampus sepenuhnya.

**Hadirin hadirat yang saya muliakan**

6. Selepas beberapa minggu UMS sedikit panas terutamanya di media sosial, sampailah saat dan waktunya kita berganding bahu dan bersepakat membuka lembaran baru semula. Kita bersama-sama harus bekerja lebih kuat bagi memastikan UMS terus cemerlang dalam penyelidikan dan mempertingkatkan pendidikan tinggi anak bangsa terutamanya di negeri Sabah.

7. Saya menyeru kepada semua staf untuk bersatu hati, singkirkan elemen-elemen negatif yang mampu merosakkan keharmonian ikatan kita selama ini, tetapkan hala tuju dan destinasi kita yang lebih jelas untuk menggapai cita-cita.

8. Jawatan yang saya sandang ini hanyalah bersifat sementara dan tampuk pimpinan tertinggi ini akan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Namun begitu, paling penting UMS tetap akan berdiri sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang sepatutnya sentiasa dijaga. Amanah yang diberikan kepada saya merupakan suatu tanggungjawab besar.

9. Saya tidak akan selama-lamanya kekal di sini, justeru peluang yang diamanahkan ini tidak akan dipersiapkan. Ingatlah! Hidup kita tidak lama. Pangkat dan jawatan adalah bersifat sementara. Keluarkan yang terbaik, output yang terbaik, agar sejarah tidak pernah melupakan kita.

## **Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

10. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah atas segala usahanya selama 5 tahun iaitu bermula pada tahun 2012 menggalas tugas sebagai Naib Canselor UMS.

11. Juga ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan seterusnya menjadi saksi majlis serahan tugas Naib Canselor sebentar sahaja lagi.

12. Kepada semua ketua Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit dan warga UMS yang hadir, lembaran baru telahpun dibuka untuk kita teruskan perjuangan. Perjalanan kita seterusnya adalah menonjolkan kekuatan UMS, baik dari segi penyelidikan mahupun kepakaran. Setiap kekurangan yang terjadi, pasti ada jalan untuk kita sama-sama atasi. Oleh itu, pesanan untuk diri saya dan rakan-



rakan sekalian, “Elakkan kontroversi,  
teguhkan integriti, harmonikan jati diri!”

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum  
wabarakatuh

warahmatullahi